

SIARAN MEDIA

MALPTAAC LAHIRKAN 700 GRADUAN POLYCC YANG BERJIWA WIRA DAN BERDISIPLIN UNGGUL

SABAK BERNAM, 23 JULAI 2025 – *Malaysian Polytechnics Territorial Army Annual Camp* (MALPTAAC) Siri 16/2025 melabuhkan tirainya hari ini selepas berlangsung selama 14 hari penuh cabaran, disiplin dan semangat patriotisme bertempat di Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS), Sabak Bernam. Seramai lebih 700 pelajar daripada 17 politeknik seluruh negara berjaya menamatkan program latihan ketenteraan dengan pembangunan sahsiah yang padat dan intensif, hasil kerjasama strategik antara Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Bahagian Pasukan Simpanan (BPS), Markas Tentera Darat dan PSIS selaku tuan rumah. Penganjuran MALPTAAC ini bukan sahaja memperkukuh kerjasama strategik antara institusi pendidikan tinggi dan Angkatan Tentera Malaysia, tetapi juga memperluas peluang pembelajaran holistik kepada pelajar dalam konteks ketahanan negara dan keselamatan awam.

Aktiviti utama yang dijalankan sepanjang kem ini termasuk Ujian Jalan Laju (UJL) sejauh lima (5) kilometer, pandu arah, menembak, *multi relay*, sukan bola tampar, serta latihan Operasi Kawasan Terbina (OBUA) yang dilaksanakan untuk pertama kali di kawasan terbiar Rumah Rehat Sabak Bernam. Turut dilaksanakan adalah Program Jiwa Murni (CSR) yang memberi manfaat kepada komuniti setempat. Antara lokasi dan aktiviti yang terlibat adalah penanaman pokok Bakau di Bagan Nakhoda Omar, penanaman pokok Berembang di Pusat Konservasi Kelip-Kelip Sungai Panjang, gotong-royong di sekitar Pantai Redang, Pantai Batu 23, Pantai Bumi Hijau, Dewan Komuniti Parit Baru, Lorong Belakang Pasar Marjina dan di sekitar PSIS.

Upacara penutup MALPTAAC Siri 16/2025 telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah Bahagian Pasukan Simpanan, Markas Tentera Darat, Brigedier Jeneral Sani Bin S Omar, hadir sama ialah Pengarah Kanan Kompetensi, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) Ts. Abdul Razak bin Sabtu, Pengarah PSIS, Puan Haslinda Abd Hamid, Pengarah Kanan (Akademik), Dr. Haji Mohd Daud bin Isa, JPPKK, Komander Rejimen 502 Askar Wataniah, Kolonel Haji Ridzwan bin Shoib dan Pengarah-pengarah Politeknik dan Kolej Komuniti, Agensi-agensi Kerajaan daerah Sabak Bernam serta Jurulatih-jurulatih Askar Watahniah.

Satu lagi detik penting dalam upacara penutup ialah penyampaian hadiah kepada para pemenang keseluruhan bagi pertandingan yang berlangsung sepanjang MALPTAAC Siri 16/2025. Bagi kedudukan keseluruhan, tempat ketiga menjadi milik Politeknik Seberang Perai (PSP) di bawah kelolaan Rejimen 509 Askar Wataniah. Naib Juara keseluruhan pula berjaya dirangkul oleh tuan rumah, Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS), yang beraksi cemerlang di bawah kelolaan Rejimen 502 Askar Wataniah. Sementara itu, gelaran Juara keseluruhan MALPTAAC Siri 16/2025 dengan bangganya disandang oleh Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS), hasil ketangkasan mereka di bawah kelolaan Rejimen 513 Askar Wataniah.

Kemuncak majlis menyaksikan Upacara Penyerahan Bendera MALPTAAC, sebagai simbol penyerahan tanggungjawab penganjuran edisi akan datang kepada Politeknik Ungku Omar (PUO) yang diumumkan secara rasmi sebagai Tuan Rumah MALPTAAC Siri 17/2026. Ianya telah diserahkan oleh Pengarah PSIS kepada Pengarah PUO dalam suasana penuh semangat dan hormat, menandakan kesinambungan semangat perjuangan dan kolaborasi dalam membina generasi TVET yang unggul. Penganjuran MALPTAAC kali ini terbukti berjaya mencapai matlamat Dasar TVET Negara 2030 dalam melahirkan pelajar politeknik yang bukan sahaja berkemahiran teknikal, malah memiliki ketahanan mental, fizikal serta jati diri yang tinggi.

-TAMAT-

**POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
23 JULAI 2025**

Dikeluarkan oleh:

Unit Perhubungan dan Komunikasi Korporat

Politeknik Sultan Idris Shah

Telefon: 03-32806200